

TARIKH : 1.8.2019 (KHAMIS)
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Kerjasama strategik hasilkan BioCNG

FGV Palm Industries Sdn Bhd (FGVPI), Sime Darby Energy Solutions Sdn Bhd (SDES) dan Biotek Dinamik Sdn Bhd (BDSB) menjalin kerjasama strategik untuk mengeluarkan gas asli mam-pat bio (BioCNG) daripada biogas yang dijana daripada kolam efluen kilang sawit (POME).

BioCNG adalah pengganti ber-potensi bagi diesel untuk industri perkilangan dan kenderaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kum-pulan FGV Holdings Bhd, Datuk Haris Fadzilah Hassan, berkata ketika ini, syarikat perladangan itu menjana kira-kira 170 juta meter padu biogas setahun da-ri-pada 30 kilangnya, yang ber-samaan sejuta hingga 1.5 juta li-ter diesel bagi setiap kilang mi-nyak sawit setahun.

Beliau berkata, kerjasama stra-tek antara FGVPI, anak sya-rikat tidak langsung FGV ber-sama anak syarikat Sime Darby Bhd, SDES dan BDSB itu mem-babitkan potensi pembangunan 35 loji untuk pengeluaran Bio-CNG.

"Sebaik projek ini dilaksana-kan sepenuhnya, FGV akan mempunyai kawasan BioCNG paling banyak di dunia memba-bitkan syarikat perladangan," ka-tanya pada majlis memeterai me-morandum persefahaman (MoU) bagi pengeluaran BioCNG di Kuala Lumpur, semalam.

Di bawah MoU berkenaan, BDSB, sebuah syarikat tenaga boleh diperbaharui menjadi pe-maju projek, pemilik dan pe-



Haris Fadzilah menyaksikan pertukaran MoU di antara FGVPI, SDES dan Biotek Dinamik di Kuala Lumpur, semalam. [Foto Muhd Zaaba Zakeria/BH]

ngendali BioCNG.

Haris Fadzilah berkata, usaha sama BioCNG adalah sejajar de-ngan strategi FGV dengan me-nukar sisa kepada kekayaan bagi menjana nilai daripada produk sampingan hlliran.

Beliau berkata, projek itu di-jangka menjana nilai ketara ke-pada kumpulan, pada masa sa-ma membantu kerajaan menca-pai sasaran tenaga boleh diper-baharui 20 peratus menjelang 2025.

FGV akan mempunyai kawasan BioCNG paling banyak di dunia mem-babitkan syarikat perladangan.

Haris Fadzilah Hassan,
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan FGV Holdings Bhd

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BDSB, Eddy Yap Wai Hong, ber-kata syarikat mahu menjadi per-intis pengkomersialan BioCNG di Malaysia dan berharap me-masarkan bahan api boleh di-perbaharui hijau ke dalam pa-saran domestik tahun depan.

Beliau berkata, BioCNG ber-potensi menjadi sumber bahan api bio selanjutnya bagi negara selepas kejayaan biodiesel bera-saskan minyak sawit.